

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 22 No. 1 (2026)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **A Maqāṣid Al-Qur'ān-Based Conceptual Framework for Contemporary Thematic Hadith Research**
- Author (s) : Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan, Mohd Solleh Ab Razak, Mohd Zahir Abdul Rahman, Mohd Sobri Elias, Syed Mohamad Zainudin Bichk Koyak, and Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Malaysia Sabah
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.617>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Ibrahim, M. N. A., Hamdan, M. A. M., Razak, M. S. A., Rahman, M. Z. A., Elias, M. S., Koyak, S. M. Z. B., & Najid, M. H. M. Kerangka Konseptual Penyelidikan Hadis Tematik Berteraskan Maqāṣid Al-Qur'ān: A Maqāṣid Al-Qur'ān-Based Conceptual Framework for Contemporary Thematic Hadith Research. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 254–281. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.617>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Kerangka Konseptual Penyelidikan Hadis Tematik Berteraskan *Maqāsid Al-Qur'ān*

A Maqāsid Al-Qur'ān-Based Conceptual Framework for Contemporary Thematic Hadith Research

Mohd Nor Adzhar Ibrahim*
Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan
Mohd Zahir Abdul Rahman
Mohd Sobri Ellias
Syed Mohamad Zainudin Bichk Koyak
Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid
Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Mohd Solleh Ab Razak
Faculty of Islamic Studies
University of Malaysia Sabah

Abstrak

Dualisme antara pendekatan *riwāyah* dan *dirāyah* dalam wacana hadis semasa menyebabkan kefahaman sunnah sering terpisah daripada matlamat utama wahyu. Ketiadaan kerangka epistemologi yang memadukan keduanya secara seimbang menjadi masalah utama yang membataskan kerelevanan hadis sebagai ejen penyelesaian masalah yang dinamik merentas zaman. Justeru, artikel ini bertujuan membangunkan kerangka konseptual penyelidikan hadis tematik kontemporari yang mengintegrasikan *Maqāsid al-Qur'ān* sebagai asas epistemologi bagi merungkai permasalahan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis konseptual dan kajian kepustakaan dengan mensintesis metodologi hadis *mawḍūī* dan gagasan *Maqāsid al-Qur'ān*. Dapatan analisis menghasilkan satu kerangka konseptual yang menstrukturkan kajian hadis berorientasikan tujuan wahyu, merangkumi pemilihan hadis secara tematik, analisis konteks, pemetaan *maqāsid* dan sintesis normatif. Artikel ini menyumbang kepada pembaharuan metodologi kajian hadis dengan meletakkan *Maqāsid al-Qur'ān* sebagai teras rujukan dalam penyelidikan hadis kontemporari. Integrasi ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman hadis dari sudut epistemologi, malah meningkatkan kerelevanannya sebagai panduan normatif dalam menangani isu-isu semasa secara holistik dan bersepadu.

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mohd Nor Adzhar Ibrahim, Universiti Sains Islam Malaysia at mnor.adzhar@usim.edu.my

Kata kunci: *Maqāṣid al-Qur’ān*, metodologi penyelidikan hadis, hadis *mawḍū’ī*, *riwāyah*, *dirāyah*.

Abstract

Contemporary hadith studies continue to grapple with an enduring epistemological tension between the *riwāyah*-oriented emphasis on textual authenticity and the *dirāyah*-oriented pursuit of contextual understanding, often resulting in fragmented interpretations of the Sunnah that are disconnected from the higher objectives of revelation. This challenge has limited the capacity of hadith scholarship to function as a dynamic and holistic framework for addressing contemporary societal issues. Accordingly, this study aims to develop a conceptual framework for thematic hadith research grounded in *Maqāṣid al-Qur’ān*, positioning it as an integrative epistemological foundation capable of reconciling the methodological divide between *riwāyah* and *dirāyah*. Employing a qualitative research design, the study utilises conceptual analysis and extensive library research, drawing upon classical and contemporary works on thematic hadith methodology (*al-Hadīth al-Mawḍū’ī*) and the discourse of *Maqāṣid al-Qur’ān*, particularly the maqāṣid framework articulated by Ibn ‘Ashūr. The analysis adopts a thematic approach to synthesise methodological principles and construct a coherent research model. The findings propose a four-stage conceptual framework comprising thematic hadith identification, contextual analysis of transmission and socio-historical circumstances, *maqāṣid* mapping based on the overarching objectives of the Qur’ān, and normative synthesis aimed at producing purpose-oriented interpretations. The study further demonstrates that *Maqāṣid al-Qur’ān* functions as a comprehensive epistemological lens that transcends literalist readings by uncovering the wisdom, objectives, and ethical dimensions embedded within Prophetic traditions. This framework contributes to the methodological renewal of contemporary hadith studies by transforming thematic hadith research from a predominantly descriptive enterprise into a purposive and integrative analytical model. It further enhances the relevance of the Sunnah as a normative and contextual guide capable of addressing modern intellectual, social, economic, and governance challenges while remaining firmly anchored to the overarching objectives of divine revelation.

Keywords: *Maqāṣid al-Qur’ān*, hadith research methodology, thematic (*mawḍū’ī*) hadith, *riwāyah*, *dirāyah*.

1. Pendahuluan

Kajian hadis merupakan salah satu disiplin teras dalam pengajian Islam yang berfungsi sebagai jambatan utama antara wahyu al-Quran dan realisasi praktikal ajaran Islam dalam kehidupan umat (Ibrahim et al., 2025a). Sejak awal perkembangannya, ilmu hadis menekankan aspek periwayatan untuk memastikan kesahihan dan ketulenan sabda Nabi Muhammad SAW (Abdurahim et al., 2024; Miftachurrozaq et al., 2022). Tradisi ini melahirkan disiplin *riwāyah* yang sistematik, merangkumi kajian sanad, perawi, serta kaedah penilaian kesahihan hadis (Irfan, 2022). Pada fasa ini, ilmu hadis turut mengembangkan prinsip-prinsip kritik hadis (*dirāyah al-ḥadīth*) yang boleh diklasifikasikan kepada dua kategori utama: kritik berkaitan aspek rantaian sanad (*isnād*) dan kritik berkaitan aspek teks (*matn*) hadis. Isu paling menonjol dalam perbahasan aspek *isnād* ialah masalah biografi dan evaluasi perawi hadis (Idris, 2013). Namun, perkembangan ini secara tidak langsung meletakkan orientasi tekstual sebagai paksi utama kajian hadis, sehingga analisis *riwāyah* sering menjadi matlamat akhir penyelidikan.

Dalam konteks kontemporari, dominasi pendekatan tekstual ini semakin dipersoalkan, terutamanya apabila kajian hadis berhadapan dengan realiti sosial, ekonomi, dan budaya yang jauh berbeza daripada konteks awal periwayatan (Sahlan, 2024). Penekanan berlebihan terhadap analisis *sanad* dan literal teks tanpa pengembangan kefahaman berorientasikan tujuan berisiko menghasilkan interpretasi hadis yang terpisah daripada hikmah pensyariatan dan matlamat wahyu (Güney, 2024), sedangkan hadis yang dinobatkan sebagai komponen kedua dalam sumber pensyariatan Islam itu pasti mengandungi hikmah dan matlamatnya yang tersendiri sebagaimana al-Quran. Kedua-dua elemen inilah yang menjadikan hadis relevan untuk diamalkan pada setiap tempat dan zaman. Justeru, al-Qaraḍāwī (2002) menjelaskan keperluan para pengkaji hadis untuk meneliti aspek *maqāṣid*, dan beliau menyenaraikannya sebagai salah satu kaedah yang tepat dalam memberi interpretasi terhadap hadis. Hal ini kerana penekanan berlebihan terhadap analisis *sanad* dan literal teks semata-mata tanpa meneliti aspek *maqāṣid* bukan sahaja akan menjejaskan kerelevanan hadis dalam wacana semasa, malah membuka ruang kepada salah faham dan aplikasi yang tidak selari dengan prinsip keadilan, kemaslahatan, serta keseimbangan yang menjadi teras ajaran Islam (Miftachurrozaq et al., 2022).

Oleh itu, kajian hadis kontemporari kini diperluaskan untuk mengintegrasikan metodologi yang merapatkan jurang antara kritikan tekstual tradisional dengan pendekatan moden seperti hermeneutik dan analisis wacana, demi memastikan hadis kekal komunikatif dan relevan merentasi era (Huda & Pahrudin, 2018; Orot, 2025). Salah satu potensi yang masih belum diterokai secara mendalam ialah pengintegrasian *Maqāṣid al-*

Qur'ān ke dalam metodologi hadis *mawḍū'ī* bagi menghasilkan kerangka penyelidikan yang lebih holistik dan berorientasikan tujuan wahyu.

Dari sudut etimologi, istilah *maqāṣid* merupakan bentuk jamak daripada *maqṣad*, yang berasal daripada kata kerja triliteral *qaṣada* yang membawa maksud menuju atau menumpukan kepada sesuatu perkara dengan kehendak dan tujuan tertentu. Ibn Manẓūr (1444H) dalam *Lisān al-'Arab* menjelaskan bahawa *al-qaṣd* bermakna kelurusan jalan, iaitu perjalanan yang lurus dan jelas. Hal ini disokong oleh firman Allah SWT:

وَعَلَى اللَّهِ قَصْدُ السَّبِيلِ..

Makna: "Dan Allah (yang menerangkan) jalan yang lurus.." (al-Naḥl, 16:9)

Potongan ayat ini memberi maksud bahawa hanya Allah SWT yang menjelaskan jalan yang lurus serta menyeru manusia kepadanya dengan hujah dan bukti yang nyata (Ibn Manẓūr, 1444H). Justeru, dari segi bahasa, *maqāṣid* boleh disimpulkan dengan makna tujuan, arah, dan maksud yang terarah kepada sesuatu dengan penuh kesedaran dan ketetapan niat.

Secara terminologi pula, *maqāṣid* dalam kajian Qurani merujuk kepada tujuan dan matlamat al-Quran dalam menjaga kelangsungan hidup manusia serta membimbingnya ke arah kesempurnaan dan kebahagiaan. Memandangkan tujuan tertinggi al-Quran ialah hidayah, maka segala perintah, larangan, nasihat, perincian hukum, perumpamaan dan kisah berfungsi untuk menyokong tujuan tersebut. Setiap hukum dan arahan akhirnya terikat dengan maqasid kulliyah yang menjamin hidayah dan perbaikan pada peringkat individu dan masyarakat (Fadriati, 2016).

Wacana *Maqāṣid al-Qur'ān* sebagaimana yang dihuraikan oleh Ibn 'Ashūr (1984) merujuk kepada tujuan menyeluruh wahyu yang melangkaui dimensi hukum semata-mata, merangkumi pembinaan akidah, penyucian akhlak, pendidikan akal, dan pembentukan sistem sosial yang seimbang. Pendekatan ini menuntut agar teks wahyu difahami berdasarkan tujuan dan hikmah, bukan sekadar analisis literal.

Walaupun gagasan *maqāṣid* telah diterima dan diaplikasikan secara meluas dalam bidang fiqh dan ekonomi Islam, penerapannya dalam kajian hadis masih bersifat terhad dan tidak berkerangka (Islam, 2022). Kebanyakan kajian hadis kontemporari yang menyentuh aspek *maqāṣid* dilakukan secara ad-hoc tanpa metodologi yang jelas dan konsisten. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan kerangka metodologi sistematik bagi mengintegrasikan *Maqāṣid al-Qur'ān* dalam kajian hadis, khususnya

pendekatan hadis *mawḍūʿī* yang tematik dan holistik (Jalili, 2021; Jamrozi et al., 2022). Integrasi ini membolehkan kajian hadis kontemporari melangkaui analisis tekstual semata-mata, menyelami hikmah mendalam serta objektif menyeluruh dalam tradisi kenabian (Masruri et al., 2024). Pengaplikasian *Maqāṣid al-Qurʾān* dalam penyelidikan hadis *mawḍūʿī* juga menyediakan kerangka interpretasi yang lebih menyeluruh, menghubungkan hadis dengan matlamat utama syariah, serta membincangkan isu-isu kontemporari secara komprehensif (Iqbal & Khadijah, 2025; Nasrulloh & Witro, 2022).

Justeru, artikel ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan membangunkan kerangka konseptual penyelidikan hadis tematik berteraskan *Maqāṣid al-Qurʾān*. Fokus utama kajian ialah menstrukturkan semula orientasi kajian hadis daripada penilaian tekstual semata-mata kepada kefahaman berasaskan tujuan wahyu, sekali gus memperkukuh keseimbangan antara *riwāyah* dan *dirāyah* dalam penyelidikan hadis kontemporari. Kerangka yang dicadangkan ini membentuk interpretasi hadis yang lebih bernuansa, melangkaui pembacaan lahiriah semata-mata, sambil membongkar hikmah mendalam dan matlamat ilahi yang tersimpan dalam tradisi kenabian (Masruri et al., 2024). Dengan demikian, kerangka ini berupaya menghasilkan pemahaman hadis yang lebih holistik dan relevan, selaras dengan semangat keseimbangan elemen deduktif dan induktif dalam penyelidikan seperti yang dikemukakan oleh sarjana Islam kontemporari (Nirwana, 2017).

2. Sorotan Literatur

Pendekatan hadis *mawḍūʿī* telah muncul sebagai salah satu metodologi penting dalam memahami hadis secara tematik dan holistik (Ibrahim et al., 2025b). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menghimpunkan hadis-hadis yang berkaitan dengan sesuatu tema tertentu, seterusnya membina gambaran komprehensif tentang pendirian Islam terhadap isu tersebut (Ibrahim & Shamsudin, 2019). Kelebihan utama pendekatan ini terletak pada keupayaannya mengelakkan pemahaman hadis secara terpisah dan fragmentasi (Ibrahim & Shamsudin, 2020).

Walau bagaimanapun, beberapa kajian kritikal menunjukkan bahawa pendekatan hadis *mawḍūʿī* sering kali terhenti pada tahap penghimpunan dan analisis tekstual hadis ('Ulama'i et al., 2022). Fokus utamanya pula masih tertumpu kepada penjelasan makna literal dan klasifikasi tema (Wasman et al., 2023), tanpa pengembangan analisis yang menekankan tujuan dan hikmah di sebalik pensyariatan hadis. Keadaan ini menyebabkan pendekatan *mawḍūʿī* gagal dimanfaatkan sepenuhnya sebagai medium analisis normatif yang mampu menjawab cabaran kontemporari secara berkesan.

Justeru itu, menurut Zaprukhhan (2018), pendekatan *maqāṣid* dapat mengisi jurang penting dalam sejarah penyelidikan hadis yang kehilangan konteks. Jika ditinjau dalam tradisi tafsir dan pemikiran Islam, *Maqāṣid al-Qurʾān* telah dibincangkan secara meluas sebagai asas kefahaman wahyu yang menyeluruh. Ibn ʿAshūr (1984) misalnya, menegaskan bahawa al-Quran diturunkan dengan tujuan-tujuan yang jelas, termasuk pemurnian akidah, pembinaan akhlak, pengaturan hubungan sosial dan pembentukan tamadun manusia. Pendekatan ini menekankan bahawa setiap nas wahyu perlu difahami dalam kerangka tujuan, bukan sekadar melalui analisis literal. Oleh itu, Tazul Islam (2022) berpandangan, terdapat keperluan untuk para pengkaji mempertimbangkan peralihan metodologi daripada interpretasi tekstual semata-mata kepada pertimbangan rasional asas dan objektif menyeluruh mesej Ilahi.

Jika diamati, beberapa kajian kontemporari telah mengaplikasikan *maqāṣid* dalam bidang ekonomi Islam dan tadbir urus (Alziyadat & Ahmed, 2018). Dapatan Fadhi et al. (2023) menunjukkan bahawa orientasi berasaskan tujuan mampu menghasilkan pendekatan yang lebih adil, lestari dan responsif terhadap realiti semasa. Namun, penerapan *maqāṣid* dalam kajian hadis masih kurang sistematik, menyebabkan wujud jurang epistemologi antara disiplin hadis dan wacana *maqāṣid*. Oleh itu, integrasi metodologi *Maqāṣid al-Qurʾān* ke dalam kajian hadis *mawḍūʿī* dapat menawarkan kerangka yang lebih mantap untuk memahami hadis secara holistik, melampaui analisis literal kepada penemuan hikmah dan tujuan wahyu yang lebih mendalam (Zakiah, 2022; Zumrotun, 2013). Kegagalan memahami hadis dalam kerangka tujuan wahyu merupakan antara faktor utama berlakunya salah faham dan penyalahgunaan hadis dalam konteks kontemporari (Zakiah, 2022).

Sebagai kesimpulan, walaupun tinjauan literatur ini menekankan kepentingan orientasi *maqāṣid*, ketiadaan satu kerangka metodologi yang jelas telah menghadkan potensi aplikasinya dalam penulisan ilmiah hadis. Hal ini menunjukkan keperluan mendesak untuk membangunkan satu kerangka kajian hadis yang berteraskan *Maqāṣid al-Qurʾān* secara sistematik dan bersepadu.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif sepenuhnya dengan analisis kandungan sebagai metod utama bagi membangunkan kerangka penulisan ilmiah yang mengintegrasikan *Maqāṣid al-Qurʾān* dalam kajian hadis *mawḍūʿī* kontemporari. Data dikumpul melalui kajian kepustakaan secara menyeluruh terhadap sumber-sumber berkaitan metodologi hadis tematik dan *Maqāṣid al-Qurʾān*.

Pemilihan sampel dilakukan secara purposif melibatkan 10 karya terpilih yang mewakili perkembangan metodologi hadis tematik. Dua kategori utama ditetapkan: pertama, sampel metodologi hadis *mawḍūʿī* yang merangkumi artikel tulisan al-Zayyān (2002) sebagai karya terawal dan buku tulisan al-Qannās (2017) sebagai karya terkini bagi meneliti evolusi metodologi. Kedua, sampel sumber *Maqāṣid al-Qurʾān* iaitu kitab *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* karya Ibn ʿĀshūr (1984) yang dipilih berdasarkan autoriti beliau dalam bidang *maqāṣid*.


Analisis dokumen diaplikasikan secara deskriptif dan kritis untuk menganalisis data yang telah dikumpul. Proses analisis dilaksanakan secara bertema bagi menghasilkan dapatan yang tersusun mengikut objektif kajian. Pertama, analisis dijalankan untuk membangunkan kerangka dan carta alir penulisan ilmiah berteraskan *maqāṣid* dalam kajian hadis. Kedua, penelitian dilakukan terhadap metode tematik sebagai medium memahami hadis secara holistik dan komprehensif. Ketiga, analisis mendalam dilaksanakan untuk merumuskan *maqāṣid* sebagai asas epistemologi dalam kajian hadis tematik kontemporari. Keempat, fungsi *Maqāṣid al-Qurʾān* dalam kajian hadis tematik kontemporari dikenal pasti melalui penelitian terperinci terhadap sumber-sumber terpilih. Kelima, prospek tawaran *Maqāṣid al-Qurʾān* dalam pengaplikasiannya untuk memahami hadis dianalisis bagi merangka kerangka penyelidikan hadis tematik kontemporari yang lebih komprehensif, mampu mendepani permasalahan semasa menurut perspektif wahyu.

4. Dapatan

4.1 Kerangka dan Carta Alir Penulisan Ilmiah Berteraskan Maqāṣid dalam Kajian Hadis

Maqāṣid al-Qurʾān mempunyai potensi besar untuk berfungsi sebagai teras epistemologi yang mengintegrasikan dimensi *riwāyah* dan *dirāyah* dalam kajian hadis kontemporari. Berdasarkan integrasi ini, satu kerangka penulisan ilmiah yang bersifat sistematik dan berorientasikan tujuan dapat dibangunkan melalui aliran analisis yang saling berkait.

Kerangka Penulisan Ilmiah Berteraskan Maqasid dalam Kajian Hadith



Rajah 1: Kerangka asas kajian hadis tematik bertintegras *Maqāṣid al-Qur'ān*

Komponen pertama kerangka ini ialah identifikasi hadis secara tematik melalui pendekatan hadis *mawḍūʿī*. Pada peringkat ini, pemilihan hadis bukan sahaja berasaskan kesesuaian tema, tetapi turut mempertimbangkan nilai dan prinsip *maqāṣid* yang berpotensi terkandung dalam teks hadis. Pendekatan ini memastikan bahawa proses penghimpunan hadis telah berorientasikan tujuan sejak fasa awal analisis dijalankan (Ibrahim & Shamsudin, 2019).


Komponen kedua melibatkan analisis konteks hadis yang merangkumi penelitian *sabab al-wurūd* serta latar sosio-sejarah periwayatan. Analisis kontekstual ini berfungsi untuk mengelakkan tafsiran literal yang terpisah daripada realiti asal hadis, sekali gus memperkukuh dimensi *dirāyah* yang berpaksikan hikmah dan rasional syariah (Ibrahim & Shamsudin, 2020).

Komponen ketiga ialah pemetaan *Maqāṣid al-Qur'ān* dengan merujuk kepada tujuan-tujuan utama al-Quran sebagaimana dihuraikan oleh Ibn ʿAshūr (1984). Melalui pemetaan ini, hadis dianalisis sebagai sebahagian

daripada sistem nilai al-Quran yang menyeluruh, meliputi pembinaan akidah, pembentukan akhlak, pengembangan pemikiran dan pengukuhan struktur sosial umat (Ibn ‘Āshūr, 1984; Islam, 2022).

Komponen keempat ialah sintesis berorientasikan tujuan, di mana dapatan analisis hadis disusun semula sebagai panduan normatif yang relevan dengan konteks kontemporari. Fasa ini menzahirkan anjakan paradigma daripada analisis hadis yang bersifat tekstual dan deskriptif kepada kefahaman hadis sebagai panduan hidup yang berteraskan tujuan wahyu dan maslahat umat.

Kerangka ini seterusnya dapat divisualisasikan dalam bentuk carta alir penulisan ilmiah yang menunjukkan peralihan berperingkat daripada penghimpunan hadis, analisis konteks, pemetaan *maqāṣid* hingga kepada sintesis normatif, sekali gus menyediakan panduan metodologi yang jelas, koheren dan aplikatif bagi kajian hadis tematik berteraskan *Maqāṣid al-Qur’ān*. Berikut adalah ilustrasi carta alir bagi kerangka penulisan ilmiah yang dicadangkan:



4.2 Metode Tematik Sebagai Medium Memahami Hadis Secara Holistik dan Komprehensif

Hadis *mawḍūʿī* muncul sebagai salah satu disiplin baharu dalam landskap kajian hadis kontemporari yang menawarkan pendekatan lebih sistematik dan holistik terhadap pemahaman sunnah Nabi SAW (Mohd Nor Adzhar & Roshimah, 2019). Pendekatan ini berteraskan penghimpunan hadis-hadis yang berkaitan dalam satu tema tertentu, sekali gus membolehkan sesuatu isu difahami melalui keseluruhan spektrum nas yang relevan, bukan berdasarkan petikan hadis secara terpisah (Mohd Nor Adzhar & Roshimah, 2020). Perkembangan hadis *mawḍūʿī* sebagai subbidang kajian juga melalui beberapa fasa evolusi metodologi dan masih mengalami proses pematangan hingga ke hari ini (Mohd Nor Adzhar, 2023).

Tokoh awal yang mempopularkan hadis *mawḍūʿī* sebagai satu medium kajian hadis kontemporari ialah al-Zayyān (2002). Beliau menegaskan bahawa kajian hadis tematik mesti berasaskan kepada himpunan hadis-hadis berkaitan sesuatu subjek secara menyeluruh daripada sumber karya hadis, sebelum dianalisis berdasarkan kepelbagaian riwayat dan konteks temanya. Pendekatan ini menolak kefahaman fragmentari terhadap hadis dan menekankan kesatuan makna yang terbina daripada keseluruhan nas yang saling melengkapi.

Seiring dengan itu, al-Malyabārī (2014) menjelaskan bahawa gabungan keseluruhan hadis dalam satu tema membolehkan penyelidik memperoleh gambaran yang komprehensif dan seimbang terhadap isu yang dibincangkan, seterusnya menyingkap mesej sebenar yang dikehendaki oleh sunnah. Dalam kerangka ini, metode tematik berfungsi sebagai medium epistemologi yang menstrukturkan makna hadis secara holistik, selari dengan realiti kompleks kehidupan manusia. Sebaliknya, kegagalan menghimpunkan hadis-hadis secara bertema akan membawa kepada kefahaman yang terpisah, selektif dan berpotensi menyimpang daripada maksud sebenar hadis (al-Qaraḍāwī, 2002).

Dapatan ini mengesahkan bahawa metode tematik bukan sekadar pendekatan teknikal dalam pengumpulan hadis, tetapi merupakan mekanisme metodologi yang kritikal untuk memastikan pemahaman hadis bersifat menyeluruh, bersepadu dan kontekstual. Dengan menjadikan tema sebagai paksi analisis, hadis *mawḍūʿī* berupaya menghubungkan nas, makna dan realiti, sekali gus memperkukuh relevansi hadis dalam menangani isu-isu kontemporari secara berlandaskan disiplin ilmiah yang kukuh.


4.3 Maqāṣid sebagai Asas Epistemologi dalam Kajian Hadis Tematik Kontemporari

Epistemologi merupakan cabang falsafah ilmu yang meneliti sumber, kaedah perolehan, kesahihan serta batas pengetahuan (Supena, 2024; Edwards, P., 1967). Dalam disiplin kajian hadis, epistemologi secara tradisional tertumpu kepada mekanisme *riwāyah*, penilaian sanad dan ketepatan periwayatan sebagai asas autoritatif pengetahuan hadis (Ibrahim & Shamsudin, 2020). Pendekatan ini telah membentuk kerangka klasik ilmu hadis yang kukuh dari sudut autentisiti, namun relatifnya terbatas dalam menjelaskan dimensi tujuan, makna dan implikasi normatif hadis dalam konteks kontemporari.

Dalam masa yang sama, kemunculan dan pengembangan wacana *maqāṣid* secara umum dilihat mampu menawarkan peluasan epistemologi hadis yang lebih substantif dan berorientasikan tujuan (Jamil, 2024). Hal ini kerana *Maqāṣid al-Qur'ān* tidak sekadar berfungsi sebagai prinsip tafsiran (Mujib & Hamim, 2021; Wijaya & Muzammil, 2021), bahkan menyediakan asas epistemik yang menghubungkan nas dengan realiti, makna dengan maslahat, serta teks dengan tujuan wahyu.

Justeru, bagi mencapai matlamat perintegrasi kedua-dua ilmu ini, aspek *Maqāṣid al-Qur'ān* terlebih dahulu perlu diterokai. Antara karya yang membincangkan tentang *Maqāṣid al-Qur'ān* ialah *al-Tahrīr wa al-Tanwīr* oleh Ibn 'Ashūr (1984). Sebagai sebuah karya monumental, ia bukan sahaja telah menjadi legasi kepada generasi terkemudian, bahkan menjadi manifestasi yang mencerminkan ketokohan dan nilai keilmuan pengarang dalam arena tersebut (Mohd Nor Adzhar et al., 2023). Tazul Islam (2022) menegaskan bahawa tesis *Maqāṣid al-Qur'ān* yang dirumuskan oleh Ibn 'Ashūr merangkumi spektrum menyeluruh fungsi al-Quran, meliputi pembaharuan akidah, penyucian akhlak, penggubalan hukum, pendidikan sejarah, sistem ganjaran dan balasan, serta dimensi *i'jāz* al-Quran.

Maqasid al-Quran Menurut Ibn 'Asyur



Rajah 3: Lapan *Maqāṣid al-Qur’ān* menurut perspektif Ibn ‘Āshūr

Ibn ‘Āshūr (1984) mengemukakan lapan *maqāṣid* utama al-Quran yang membentuk manhaj epistemologi wahyu. *Maqāṣid* ini bermula dengan pembetulan akidah sebagai asas tauhid dan pembersihan jiwa daripada syirik dan kepercayaan batil, diikuti penyucian akhlak yang tercermin pada keperibadian Nabi SAW sebagai “al-Quran yang hidup.” Al-Quran juga menegakkan pensyariatian hukum bagi membina kerangka kehidupan beragama yang seimbang antara prinsip umum dan perincian praktikal.


Pada tahap sosial dan politik, al-Quran berfungsi mengatur tadbir umat melalui prinsip kesatuan, pencegahan perpecahan serta pengukuhan syura sebagai asas pengurusan masyarakat. Ia turut mendidik manusia melalui naratif sejarah sebagai instrumen pedagogi, di samping membuka ruang pengembangan ilmu, rasionaliti dan hikmah sebagai elemen pemerkasaan akal. Melalui sistem janji dan ancaman, al-Quran membentuk keseimbangan spiritual antara harapan dan ketakutan, sekali gus memotivasi tindakan etika yang berterusan. Keseluruhan maqasid ini disempurnakan

dengan dimensi *i'jāz* al-Quran sebagai mukjizat kekal yang membuktikan kerasulan Nabi SAW melalui keindahan bahasa, keluasan makna dan cabaran intelektual yang berterusan (Ibn 'Āshūr, 1984).

Dapatan ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid al-Qur'ān* menyediakan asas epistemologi yang bersifat integratif, holistik dan transdisiplin untuk kajian hadis tematik kontemporari. Dengan menjadikan *maqāṣid* sebagai kerangka epistemik, kajian hadis tidak lagi terhenti pada pengesahan teks semata-mata, tetapi bergerak ke arah pemahaman makna, tujuan dan implikasi hadis secara kontekstual, selari dengan fungsi al-Quran sebagai manhaj kehidupan yang menyeluruh.

4.4 Fungsi *Maqāṣid al-Qur'ān* dalam Kajian Hadis Tematik Kontemporari

Membongkar Dimensi Maqasid al-Quran



Rajah 4: Ringkasan fungsi *Maqāṣid al-Qur'ān* dalam kajian hadis

Maqāṣid al-Qur'ān dilihat mampu memainkan fungsi epistemologi yang signifikan dalam kajian hadis tematik kontemporari dengan melengkapkan dimensi *riwāyah* melalui kerangka *dirāyah* yang berorientasikan tujuan Ilahi, sebagaimana yang ditegaskan oleh Jamil (2024). Selepas kesahihan hadis ditentukan melalui kaedah *riwāyah*, *maqāṣid* berperanan sebagai panduan analitik untuk menyingkap makna, rasional dan objektif di sebalik sesuatu hadis. Inilah intipati yang ditekankan oleh al-Qaraḍāwī (2002) sebagai salah satu kaedah tepat dalam berinteraksi dengan Sunnah. Pendekatan ini membolehkan penyelidik bergerak melangkaui tahap deskriptif daripada sekadar mengenal pasti “apa yang diucapkan” kepada

tahap interpretatif yang meneliti “mengapa ia diucapkan” dan “apakah tujuan syariah yang ingin direalisasikan.” Fungsi ini amat relevan dalam isu-isu teras seperti pembetulan akidah, penyucian akhlak dan pensyariatan hukum, sejajar dengan penegasan terhadap kepentingan aspek *dirāyah* dalam konsep *al-tasnīf al-mawḍūʿī* bagi kajian hadis tematik (Mohd Nor Adzhar & Roshimah, 2019).

Selain itu, *Maqāṣid al-Qurʾān* berfungsi sebagai lensa konseptual untuk memahami hikmah pensyariatan dan tadbir umat (Moniem, 2021). Setiap ajaran dalam al-Quran dan hadis tidak hadir secara terpisah, sebaliknya mengandungi tujuan tertentu yang ingin dicapai oleh syariah (Güney, 2024; Miftachurrozaq et al., 2022). Dengan menggunakan lensa *maqāṣid*, pengkaji hadis dapat mengenal pasti dimensi hikmah tersebut secara lebih sistematik (Zaprul Khan, 2018). Sebagai contoh, hadis berkaitan kebersihan tidak hanya difahami sebagai arahan literal, tetapi dianalisis sebagai sebahagian daripada pensyariatan hukum yang menyasarkan kesucian fizikal dan spiritual, serta manifestasi pembinaan akhlak yang murni. Pendekatan ini selari dengan konsep *maqāṣid* syariah yang melampaui tafsiran literal teks agama (Zakiyah, 2022), dan signifikan dalam konteks tadbir umat berasaskan prinsip kesatuan dan syura.

Pendekatan *Maqāṣid al-Qurʾān* juga dilihat membentuk kerangka pemikiran holistik dalam kajian hadis melalui dimensi pendidikan, ilmu dan naratif sejarah. Ia menggalakkan pengkaji untuk menempatkan hadis dalam konteks matlamat syariah yang menyeluruh, sekali gus mengelakkan pemahaman yang terfragmentasi (Ramle et al., 2021). Hadis-hadis yang kelihatan terpisah dari segi tema dan kandungan dapat difahami sebagai saling berkaitan apabila dianalisis melalui kerangka *maqāṣid*, kerana kesemuanya berfungsi untuk merealisasikan tujuan syariah yang sama. Pendekatan ini menghasilkan kefahaman yang lebih koheren, bernilai hujah dan bersifat menyeluruh (Zaprul Khan, 2018), sebagaimana ditekankan dalam kajian berkaitan hadis tematik berasaskan *dirāyah* (Mohd Nor Adzhar & Roshimah, 2020).

Pada tahap aplikasi kontemporari, *Maqāṣid al-Qurʾān* turut berfungsi sebagai asas epistemologi bagi ijtihad semasa, khususnya dalam menangani isu-isu baharu yang tidak mempunyai nas yang eksplisit. Dengan memahami tujuan umum syariah yang terkandung dalam hadis, ulama dan penyelidik dapat merumuskan panduan dan hukum yang selari dengan *maqāṣid* serta relevan dengan realiti semasa. Fungsi strategik ini terbukti penting dalam merespon cabaran ekonomi dan perundangan umat Islam (Fadhli et al., 2023). Jasser Auda (2021) misalnya, mengemukakan metodologi *maqāṣid* bagi menggambarkan semula pendidikan tinggi Islam, sekali gus menunjukkan kebolehan *maqāṣid* diaplikasikan dalam konteks moden dengan berpaksikan

motivasi spiritual dan hujah al-Quran sebagai asas epistemik (Jamrozi et al., 2022).

Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa *Maqāṣid al-Qur'ān* mampu berfungsi sebagai kerangka epistemologi yang mengintegrasikan *riwāyah* dan *dirāyah* secara seimbang dalam kajian hadis tematik kontemporari. Integrasi ini membolehkan pemahaman hadis yang lebih mendalam, holistik dan berorientasikan tujuan, sekali gus memastikan relevansinya dalam menjawab keperluan dan cabaran semasa. Anjakan ini menandakan peralihan metodologi penting daripada pendekatan yang bersifat verifikasi tekstual semata-mata kepada kerangka analisis yang lebih bermakna dan berdaya aplikasi.

4.5 Prospek Tawaran Maqāṣid al-Qur'ān dalam Pengaplikasiannya untuk Memahami Hadis

Maqāṣid al-Qur'ān menawarkan prospek epistemologi yang signifikan dalam memahami Hadis dengan meluaskan ruang interpretasi melangkaui bacaan literal kepada penghayatan maksud, hikmah dan tujuan ajaran Nabi Muhammad SAW. Berpandukan lapan maqasid yang dirumuskan oleh Ibn 'Ashūr (1986), pendekatan ini membolehkan hadis dianalisis sebagai wahana pembentukan manusia dan masyarakat, sekali gus mengekalkan kerelevanannya dalam konteks kehidupan moden.

Mencapai Pemahaman Hadith yang Komprehensif Menurut Lensa Maqasid al-Quran



Rajah 5: Prospek yang ditawarkan oleh *Maqāṣid al-Qur'ān* dalam kajian hadis

Melalui kerangka *maqāṣid*, hadis tidak lagi difahami secara terpisah atau atomistik, sebaliknya ditempatkan dalam struktur tujuan Ilahi yang menyeluruh. Hadis-hadis berkaitan keesaan Allah SWT atau pembinaan akhlak misalnya, dapat dihimpunkan dan dianalisis di bawah *maqāṣid* pembetulan akidah dan penyucian akhlak. Pendekatan tematik ini membantu menghasilkan gambaran yang holistik serta mengelakkan fragmentasi kefahaman terhadap sunnah (al-Malyabārī, 2014; Ibrahim & Shamsudin, 2020), di samping memperkukuh hujah dan kepadatan analisis dalam kajian hadis (Ibrahim & Shamsudin, 2019).

Prospek *Maqāṣid al-Qur'ān* menjadi lebih jelas dalam menangani hadis-hadis yang secara zahirnya kelihatan bertentangan dan memerlukan proses penyesuaian (al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1357H). Dalam situasi ini, *maqāṣid* berfungsi sebagai prinsip penentu keutamaan dengan berpandukan tujuan pensyariatan dan prinsip tadbir umat, di mana hadis yang lebih selari dengan

maqāṣid yang lebih tinggi akan diutamakan (Hamad, 2024). Pendekatan ini memberi fleksibiliti metodologi dalam memahami dan mengaplikasikan hadis merentasi perubahan zaman dan konteks, sebagaimana diaplikasikan dalam etika pembuatan keputusan institusi kewangan Islam yang berteraskan *Maqāṣid al-Sharī'ah* sebagai kerangka konseptual (Alziyadat & Ahmed, 2018).

Maqāṣid membimbing pengkaji untuk menelusuri tujuan umum hadis melalui dimensi pendidikan, ilmu dan pengajaran sejarah, sekali gus mengelakkan rigiditi tafsiran. Sebaliknya, tanpa kerangka *maqāṣid*, tafsiran hadis berisiko terperangkap dalam pendekatan literal dan sempit yang tidak selari dengan semangat syariah yang menyeluruh (al-Qaraḍāwī, 2002). Sebagai contoh, hadis berkaitan keutamaan ilmu difahami bukan sekadar sebagai galakan normatif, tetapi sebagai manifestasi tujuan al-Quran dalam mengasah akal dan mengangkat martabat pemikiran manusia. Justeru itulah, Jasser Auda (2021) menegaskan bahawa pemahaman *maqāṣid* merupakan kunci untuk menyingkap tujuan sebenar riwayat kenabian serta implikasinya terhadap pembaharuan hukum Islam (Jamrozi et al., 2022).

Dari sudut aplikasi kontemporari, *Maqāṣid al-Qur'ān* menawarkan potensi besar dalam menangani isu-isu baharu yang tidak dibincangkan secara eksplisit dalam nas. Dengan memahami tujuan hadis dan motivasi spiritual yang dibentuk oleh al-Quran, prinsip-prinsip sunnah dapat diaplikasikan secara kontekstual dalam bidang ekonomi Islam, pendidikan dan sains, selari dengan tuntutan syariah dan realiti semasa (Fadhli et al., 2023; Zakiyah, 2022). Dalam konteks ini, janji dan ancaman al-Quran berfungsi sebagai pemangkin etika ke arah kebaikan dan kemaslahatan.

Selain itu, *Maqāṣid al-Qur'ān* berperanan sebagai panduan utama dalam pembinaan hukum dan etika Islam yang relevan dan berdaya tahan. Hadis berkaitan muamalat, siyasah dan akhlak dapat dianalisis dari sudut sumbangannya terhadap *maqāṣid* keadilan, kesejahteraan dan kemaslahatan umum, berasaskan keluasan makna dan keteguhan hujah al-Quran sebagai mukjizat yang kekal. Aplikasi *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam konteks takaful turut membuktikan kerelevanan pendekatan ini dalam perundangan dan institusi moden (Yunadi, 2020).

Secara keseluruhan, prospek *Maqāṣid al-Qur'ān* dalam memahami hadis terletak pada keupayaannya memperkaya interpretasi sunnah dengan dimensi tujuan dan hikmah, menghasilkan kefahaman yang lebih mendalam, fleksibel dan kontekstual. Pendekatan ini mengubah interaksi terhadap hadis daripada sekadar koleksi naratif sejarah kepada panduan hidup yang dinamik, berorientasikan maslahat dan responsif terhadap cabaran semasa umat Islam.

5. Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa integrasi *Maqāsid al-Qur'ān* ke dalam pendekatan hadis *mawḍū'ī* berpotensi membentuk suatu kerangka epistemologi yang lebih komprehensif dalam kajian hadis kontemporari. Secara tradisional, disiplin ilmu hadis memberi tumpuan yang sangat kuat kepada dimensi *riwāyah*, khususnya dalam aspek penilaian sanad dan ketepatan periwayatan. Pendekatan ini telah berjaya membina asas autoritatif yang kukuh bagi memastikan kesahihan hadis sebagai sumber utama ajaran Islam. Walau bagaimanapun, penekanan yang terlalu dominan terhadap dimensi verifikasi tekstual sering menyebabkan analisis hadis terhenti pada tahap ketulenan riwayat tanpa mengembangkan dimensi interpretasi yang berkaitan dengan tujuan dan hikmah pensyariaan. Fenomena ini turut diperhatikan dalam beberapa kajian yang menunjukkan bahawa sebahagian penyelidikan hadis tematik masih cenderung bersifat deskriptif serta tidak sepenuhnya menghubungkan hadis dengan kerangka tujuan syariah yang lebih luas (Wasman et al., 2023; 'Ulama'i et al., 2022).

Dalam konteks ini, dapatan kajian memperlihatkan bahawa metode tematik memainkan peranan penting sebagai asas metodologi dalam membina pemahaman hadis secara menyeluruh. Penghimpunan hadis berdasarkan tema tertentu membolehkan penyelidik menilai sesuatu isu melalui keseluruhan spektrum nas yang berkaitan, sekali gus mengurangkan risiko pemahaman yang fragmentari atau selektif. Penemuan ini menyokong pandangan al-Zayyān (2002) dan al-Malyabārī (2014) yang menegaskan bahawa kesatuan makna hadis hanya dapat difahami melalui pendekatan yang menghimpunkan keseluruhan riwayat berkaitan sesuatu tema sebelum dianalisis secara sistematik. Pendekatan ini juga selari dengan prinsip wahyu yang bersifat komprehensif sebagaimana maksud firman Allah SWT:

“Dan Kami turunkan kepadamu al-Kitab untuk menjelaskan segala sesuatu.” (al-Nahl 16:89)

Ayat ini menunjukkan bahawa wahyu membentuk suatu sistem makna yang saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu, pendekatan tematik yang menghimpunkan keseluruhan nas dalam satu kerangka analisis dapat dilihat sebagai kaedah yang konsisten dengan manhaj al-Quran sendiri dalam menyampaikan panduan kehidupan secara menyeluruh.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan tematik sahaja masih belum mencukupi untuk menghasilkan kefahaman hadis yang benar-benar holistik. Tanpa kerangka interpretasi yang berorientasikan tujuan wahyu, metode tematik berpotensi terhad kepada proses klasifikasi hadis tanpa menghasilkan sintesis normatif yang

lebih mendalam. Justeru, integrasi *Maqāṣid al-Qur'ān* menjadi elemen kritikal yang memperluas fungsi metode tematik daripada sekadar alat pengumpulan riwayat kepada kerangka analisis yang berorientasikan tujuan syariah. Melalui pendekatan ini, hadis tidak lagi difahami secara atomistik atau terpisah, sebaliknya ditempatkan dalam sistem nilai al-Quran yang menyeluruh.

Dari perspektif epistemologi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *Maqāṣid al-Qur'ān* mampu berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan teks hadis dengan konteks realiti yang sentiasa berubah. Kerangka *maqāṣid* yang dihuraikan oleh Ibn 'Ashūr (1984) menegaskan bahawa al-Quran diturunkan dengan tujuan-tujuan tertentu seperti pembinaan akidah, penyucian akhlak, pengaturan kehidupan sosial serta pembangunan tamadun manusia. Dengan menempatkan hadis dalam kerangka tujuan wahyu ini, analisis hadis dapat bergerak melangkaui dimensi tekstual kepada pemahaman yang lebih substantif terhadap rasional dan hikmah pensyariatan. Perspektif ini selari dengan pandangan Zaprukhhan (2018) dan Zakiyah (2022) yang menekankan bahawa orientasi *maqāṣid* mampu mengatasi kecenderungan tafsiran literal yang sering menjadi punca kepada salah faham terhadap hadis dalam konteks kontemporari.

Namun demikian, integrasi *maqāṣid* dalam kajian hadis juga menimbulkan beberapa persoalan metodologi yang memerlukan perhatian kritikal. Salah satu cabaran utama ialah risiko penggunaan *maqāṣid* secara terlalu fleksibel sehingga berpotensi menjustifikasikan tafsiran yang tidak berpaksikan disiplin hadis yang kukuh. Sekiranya tidak diimbangi dengan metodologi *riwāyah* yang ketat, pendekatan *maqāṣid* boleh membuka ruang kepada interpretasi yang bersifat subjektif atau utilitarian. Oleh itu, dapatan kajian ini menegaskan bahawa integrasi *maqāṣid* perlu dilaksanakan dalam kerangka metodologi yang seimbang, di mana proses verifikasi riwayat kekal sebagai asas autoritatif sebelum analisis *maqāṣid* digunakan untuk menyingkap dimensi tujuan hadis. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan al-Qaraḍāwī (2002) yang menegaskan bahawa interaksi yang tepat dengan sunnah memerlukan keseimbangan antara kesahihan riwayat dan kefahaman terhadap *maqāṣid*.

Dari sudut implikasi metodologi, kerangka kajian yang dicadangkan dalam dapatan kajian memperlihatkan bahawa analisis hadis tematik dapat distrukturkan secara sistematik melalui beberapa peringkat utama, iaitu penghimpunan hadis secara tematik, analisis konteks hadis melalui penelitian *sabab al-wurūd* dan latar sosio-sejarah periwayatan, pemetaan *maqāṣid* serta sintesis normatif yang berorientasikan tujuan syariah. Struktur analisis ini menunjukkan bahawa integrasi *maqāṣid* bukan sekadar elemen tambahan dalam kajian hadis, tetapi berfungsi sebagai komponen

interpretatif yang menghubungkan teks dengan realiti sosial. Hal ini juga selari dengan prinsip wahyu yang menekankan dimensi hikmah dalam penyariatian sebagaimana maksud firman Allah SWT:

“Dia mengajarkan mereka al-Kitab dan al-Hikmah serta menyucikan mereka.”(al-Baqarah 2:129)

Dalam konteks ini, *al-hikmah* yang sering ditafsirkan sebagai sunnah Nabi SAW menggambarkan bahawa hadis berfungsi sebagai manifestasi praktikal kepada tujuan wahyu yang terkandung dalam al-Quran. Hubungan epistemologi antara al-Quran dan sunnah ini turut ditegaskan oleh sabda Nabi SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku telah diberikan al-Quran dan sesuatu yang seumpamanya bersamanya.”(Abū Dāwūd, no. 4604; al-Tirmidhī, no. 2664; Aḥmad, no. 17174)

Hadis ini menunjukkan bahawa sunnah bukan sekadar pelengkap kepada al-Quran, tetapi merupakan sumber wahyu yang menjelaskan, menghuraikan dan merealisasikan tujuan-tujuan syariah dalam kehidupan manusia. Hal ini turut diperkuatkan oleh maksud sabdaan Nabi SAW:

“Sesiapa yang dikehendaki kebaikan oleh Allah, maka Dia akan memberikannya kefahaman dalam agama.” (Riwayat al-Bukhārī, no. 71; Muslim, no. 1037)

Hadis ini menunjukkan bahawa kefahaman agama yang sebenar tidak hanya bergantung kepada periwayatan teks semata-mata, tetapi juga memerlukan proses pemahaman yang mendalam terhadap makna dan tujuan syariah.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kerangka *maqāṣid* mempunyai potensi yang signifikan dalam memperkukuh kerelevanan hadis dalam menghadapi cabaran kontemporari. Dalam banyak keadaan, isu-isu semasa seperti tadbir urus, ekonomi dan pembangunan sosial tidak selalu mempunyai rujukan hadis yang bersifat langsung. Dengan menggunakan pendekatan *maqāṣid*, hadis dapat dianalisis berdasarkan tujuan umum syariah yang lebih luas, sekali gus membuka ruang kepada ijtihad yang lebih responsif terhadap realiti semasa. Penemuan ini selari dengan kajian dalam bidang ekonomi Islam dan tadbir urus yang menunjukkan bahawa pendekatan berorientasikan *maqāṣid* mampu menghasilkan kerangka yang lebih adil, lestari dan responsif terhadap cabaran masyarakat moden (Alziyadat & Ahmed, 2018; Fadhli et al., 2023).

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa penerapan *maqāsid* dalam kajian hadis masih berada pada tahap perkembangan awal dan belum mempunyai metodologi yang sepenuhnya standard dalam literatur semasa. Kekurangan kerangka metodologi yang sistematik inilah yang menyebabkan integrasi antara disiplin hadis dan wacana *maqāsid* masih bersifat terhad dalam banyak kajian akademik. Oleh itu, kerangka yang dicadangkan dalam kajian ini boleh dilihat sebagai satu usaha awal untuk merapatkan jurang epistemologi tersebut dengan menyediakan aliran analisis yang lebih jelas dan koheren bagi kajian hadis tematik berteraskan *Maqāsid al-Qur'ān*.

Dari sudut sumbangan teori, kajian ini mencadangkan suatu kerangka konseptual yang mengintegrasikan pendekatan hadis *mawḍū'ī* dengan *Maqāsid al-Qur'ān* sebagai asas epistemologi analisis hadis. Berbeza dengan pendekatan hadis tematik konvensional yang kebanyakannya tertumpu kepada penghimpunan dan klasifikasi riwayat, kerangka yang dicadangkan dalam kajian ini memperluas fungsi metode tematik kepada suatu proses interpretatif yang berorientasikan tujuan wahyu. Integrasi ini secara teorinya menyumbang kepada peluasan paradigma kajian hadis daripada kerangka verifikasi tekstual kepada model analisis yang menghubungkan teks, konteks dan tujuan syariah secara serentak. Dalam erti kata lain, kajian ini mencadangkan suatu pendekatan epistemologi integratif yang menjadikan *riwāyah* sebagai asas autoritatif pengetahuan hadis, manakala *Maqāsid al-Qur'ān* berfungsi sebagai kerangka *dirāyah* yang menstrukturkan pemahaman terhadap makna dan hikmah hadis dalam konteks yang lebih luas.

Akhir sekali, dapatan kajian ini turut membuka beberapa implikasi penting untuk penyelidikan masa hadapan. Antaranya termasuk keperluan untuk membangunkan metodologi analisis hadis tematik berasaskan *maqāsid* yang lebih sistematik dan boleh diuji secara empirikal dalam pelbagai bidang kajian Islam seperti ekonomi, pendidikan, tadbir urus dan pembangunan sosial. Selain itu, penyelidikan lanjutan juga boleh meneroka integrasi pendekatan ini dengan disiplin ilmu lain seperti kajian tafsir, usul fiqh dan pemikiran Islam kontemporari bagi memperkukuh lagi asas epistemologi kajian hadis. Pendekatan interdisiplin seperti ini berpotensi memperluas peranan hadis sebagai sumber panduan normatif yang bukan sahaja sahih dari sudut periwayatan, tetapi juga relevan dalam menjawab cabaran intelektual dan sosial masyarakat global masa kini.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa integrasi *Maqāsid al-Qur'ān* dalam kajian hadis tematik menawarkan anjakan metodologi yang signifikan dalam landskap penyelidikan hadis kontemporari. Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya dimensi interpretasi hadis, tetapi juga memastikan bahawa sunnah Nabi SAW

difahami sebagai sebahagian daripada sistem nilai wahyu yang menyeluruh, sekali gus mengekalkan kerelevanannya sebagai panduan normatif yang dinamik dalam menghadapi perubahan zaman.

6. Kesimpulan

Kajian ini telah membangunkan satu kerangka konseptual yang mengintegrasikan pendekatan hadis *mawḍūʿī* dengan prinsip *Maqāṣid al-Qurʾān*, sekali gus memperkenalkan paradigma baharu dalam kajian hadis tematik kontemporari. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi ini membolehkan pemahaman hadis yang lebih holistik, kontekstual, dan berorientasikan tujuan, dengan keseimbangan antara dimensi *riwāyah* dan *dirāyah*. Dalam kerangka ini, hadis dianalisis bukan semata-mata sebagai teks atomistik, tetapi ditempatkan dalam struktur nilai dan tujuan wahyu yang menyeluruh, sejajar dengan fungsi al-Quran sebagai panduan kehidupan manusia dan asas bagi kefahaman sunnah.

Kajian ini menyumbang kepada beberapa aspek utama. Pertama, paradigma metodologi beralih daripada analisis verifikasi tekstual semata-mata kepada pendekatan berorientasikan tujuan, membolehkan interpretasi hadis yang lebih kritikal, normatif dan responsif terhadap isu semasa. Kedua, sumbangan teori melalui penekanan *Maqāṣid al-Qurʾān* sebagai asas epistemologi yang integratif, menghubungkan teks, konteks, hikmah dan tujuan pensyariatian dalam satu rangkaian koheren. Ketiga, relevansi kontemporari di mana kerangka ini membuka prospek aplikasi dalam bidang ekonomi Islam, tadbir urus, pendidikan, dan pembangunan sosial, sekaligus membolehkan ijtihad yang fleksibel berpandukan prinsip wahyu berlaku.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa *Maqāṣid al-Qurʾān* bukan sekadar elemen analitik tambahan, tetapi berfungsi sebagai teras epistemologi yang menyeluruh, memperkayakan pemahaman hadis dan memastikan relevansi sunnah dalam menangani cabaran sosial, intelektual, dan praktikal umat Islam pada abad ke-21. Pendekatan ini menandakan anjakan paradigmik daripada hadis sebagai koleksi naratif sejarah kepada panduan hidup yang dinamik, berorientasikan maslahat, dan aplikatif secara kontemporari.

Bibliografi

- Al-Quran al-Karim
- 'Ulama'i, H. A., Muhtarom, M., dan Mundhir, M. "Epistemology of Hadith: Orientation for Chapters Compilation in the Kutub Sittah." *Jurnal THEOLOGIA* 33, no. 2 (2022): 239. <https://doi.org/10.21580/teo.2022.33.2.14418>
- Abdurahim, M., B. Mujoko, A. Azzami, E. A. Kosasih, dan M. A. Mighwar. "Dedikasi Ulama Hadis Abad Pertama Hijriyah: Upaya Kodifikasi dan Penyebaran oleh Sahabat dan Tabi'in." *Asian Journal of Islamic Studies and Da'wah* 2, no. 4 (2024): 492. <https://doi.org/10.58578/ajisd.v2i4.3277>
- Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Asy'ath. *Sunan Abū Dāwūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah, 2009.
- Aḥmad bin Ḥanbal. *Al-Musnad*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh Ismā'īl bin Ibrāhīm. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1993.
- Al-Khaṭīb al-Baghādī, Abū Bakr Aḥmad ibn 'Alī. *Al-Kifāyah fī 'Ilm al-Riwāyah*. Hyderabad: Jam'iyyat Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmāniyyah, 1357H.
- Al-Qannās, Muḥammad bin 'Abd Allāh. *Madkhal li al-Dirāsah al-Hadis al-Mawḍū'ī*. Riyādh: Dār al-Ṣumā'ī, 2017.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Kayf Nata'āmal ma'a al-Sunnah al-Nabawīyah*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2002.
- Al-Tirmidhī, Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Sawrah. *al-Jāmi' al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1996.
- Al-Zayyān, Ramaḍān Ishāq. "al-Hadis al-Mawḍū'ī Dirāsah Naẓariyyah." *Majallah al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* 10, no. 2 (2002): 207-248. <https://journals.iugaza.edu.ps/index.php/IUGJIS/article/view/1495>
- Alziyadat, N., dan H. Ahmed. "Ethical Decision-Making in Islamic Financial Institutions in Light of Maqasid al-Sharia: A Conceptual Framework." *Thunderbird International Business Review* 61, no. 5 (2018): 707. <https://doi.org/10.1002/tie.22025>
- Auda, Jasser. "Maqasid Methodology for Re-Envisioning Islamic Higher Education." *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 1, no. 1 (2021): 31-58. <https://doi.org/10.52100/jcms.v1i1.58>
- Edwards, Paul, ed. *The Encyclopedia of Philosophy*. Vol. 2. New York: Macmillan & The Free Press, 1967.
- Fadhli, S., F. S. Wiryanto, dan M. Husna. "The Urgency and Strategic Role of Maqasid Shari'ah and Maslahah in Responding to the Legal and Economic Challenges of Muslim Business." *Journal of Middle East and Islamic Studies* 10, no. 1 (2023). <https://doi.org/10.7454/meis.v10i1.158>
- Fadriati, F. "Prinsip-Prinsip Metode Pendidikan Islam dalam al-Qur'an." *Ta'dib* 15, no. 1 (2016). <https://doi.org/10.31958/jt.v15i1.220>

- Güney, N. “Maqāṣid al-Sharī’a in Islamic Finance: A Critical Analysis of Modern Discourses.” *Religions* 15, no. 1 (2024): 114. <https://doi.org/10.3390/rel15010114>
- Ḥamād, Muḥammad Kamāl ‘Alī. “Al-Tarjīḥ bi al-Maqāṣid al-Shar‘iyyah bayna al-Akḥbār al-Muta‘arīdah: Dirāsah Uṣūliyyah Taṭbīqiyyah.” *Majallat al-Buḥūth al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah* 47, no. 47 (2024): 2545–2643. <https://doi.org/10.21608/jlr.2024.310963.1494>
- Ḥamzah ‘Abdullāh al-Malyabārī. *Dirāsāt Taṭbīqiyyah fī al-Ḥadīth al-Mawḍū‘ī*. Dubai: Kulliyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah, 2014.
- Huda, N., dan A. Pahrudin. “Orientasi Kajian Hadis Kontemporer Indonesia.” *Refleksi* 17, no. 2 (2018): 169. <https://doi.org/10.15408/ref.v17i2.10204>
- Ibn ‘Ashūr, Muḥammad al-Ṭāhir. *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr, 1984.
- Ibn Manzūr, Muḥammad ibn Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, 1414H.
- Ibrahim, Mohd Nor Adzhar, dan Roshimah Shamsudin. “Konsep al-Taṣnīf al-Mawḍū‘ī dan Peranannya dalam Perbahasan Hadith Mawḍū‘ī.” *Jurnal Usuluddin* 47, no. 2 (2019): 65. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no2.3>
- Ibrahim, Mohd Nor Adzhar, dan Roshimah Shamsudin. “Konsep Hadith Mawḍū‘ī Menurut Perspektif Pengkaji Hadith Kontemporari: Antara Dirasah Al-Mawdu‘iyyah min Al-Hadith dan Syarh Al-Mawdu‘i li Al-Hadith.” *Ma‘ālim al-Qur’ān wa al-Sunnah* 16, no. 1 (2020): 15. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i1.213>
- Ibrahim, Mohd Nor Adzhar, et al. “A Thematic Analysis of Hadiths on Self-Reliant Economic Development Activities.” *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 34, no. 7 (2025a). <https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.346/1262>
- Ibrahim, Mohd Nor Adzhar, et al. “Analisis Kritikan ‘Azwu Karya al-Munabbihāt kepada Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.” *Islamiyyat* 45 (2023). <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-45IK-03>
- Ibrahim, Mohd Nor Adzhar, et al. “Percanggahan Waktu Mustajab Doa Hari Jumaat: Analisis Kaedah Tarjīḥ Al-Suyūṭī Menurut Perspektif Hadis Mawḍū‘ī.” *Journal of Hadith Studies* 10, no. 1 (SI) (2025b): 140–154. Retrieved from <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/354>
- Idris, I. “Between the Criticism of Hadīts and Hadīts Probateness.” *Al-Ihkam* 4, no. 2 (2013): 153. <https://doi.org/10.19105/al-lhkam.v4i2.269>
- Iqbal, M., dan D. N. Khadijah. “Pendekatan Tekstual dan Kontekstual dalam Kajian Islam.” *Khazanah Journal of Islamic Studies* 16 (2025). <https://doi.org/10.51178/khazanah.v4i1.2452>
- Irfan, M. “Kaidah Kesahihan Hadis dan Penerapannya.” *Anwarul* 2, no. 6 (2022): 592. <https://doi.org/10.58578/anwarul.v2i6.1276>

- Islam, T. "Expansion of Maqasid Thought Beyond Maqasid al-Shari'ah." *Hamdard Islamicus* 45, no. 4 (2022): 79. <https://doi.org/10.57144/hi.v45i4.514>
- Jalili, A. "Teori Maqāṣid Syariah dalam Hukum Islam." *Teraju* 3, no. 2 (2021): 71. <https://doi.org/10.35961/teraju.v3i02.294>
- Jamil, B. "Between Traditionalising and Futuring." *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 39, no. 2 (2024): 183. <https://doi.org/10.21315/apjee2024.39.2.10>
- Jamrozi, A. S. S., et al. "Maqāṣid al-Sharī'a in the Study of Hadith." *Justicia Islamica* 19, no. 1 (2022): 74. <https://doi.org/10.21154/justicia.v19i1.3269>
- Masruri, M., et al. "Asbāb al-Wurūd as an Approach to Understanding the Purpose of Hadith." *Revista de Gestão Social e Ambiental* 18, no. 9 (2024). <https://doi.org/10.24857/rgsa.v18n9-083>
- Miftachurrozaq, T., et al. "Gagasan Ilmu Hadis Mohammad Hashim Kamali." *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin* 21, no. 2 (2022): 175. <https://doi.org/10.18592/jiiu.v21i2.7160>
- Mohd Nor Adzhar Ibrahim. *Manhaj Penulisan Hadith Secara Mawḍū'ī*. PhD diss., Universiti Sains Malaysia, 2023.
- Moniem, A. A. "The Ontology and Epistemology of Maqāṣidī-Based Knowledge." *Journal of Contemporary Maqasid Studies* 1, no. 1 (2021): 59–78. <https://doi.org/10.52100/jcms.v1i1.57>
- Mujib, L. S. B., dan K. Hamim. "Religious Freedom and Riddah." *HTS Teologiese Studies* 77, no. 4 (2021). <https://doi.org/10.4102/hts.v77i4.6928>
- Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyādh: Dār al-Ṭayyibah, 2006.
- Nasrulloh, M., dan D. Witro. "Pemikiran Syuhudi Ismail." *An-Nida* 46, no. 1 (2022): 1. <https://doi.org/10.24014/an-nida.v46i1.19226>
- Nirwana, D. "Agenda Pengembangan Studi Islam." *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin* 8, no. 2 (2017): 231. <https://doi.org/10.18592/jiiu.v8i2.1328>
- Orot, H. "Salahaddin İdlibî ve Hadis İlmi." *Tevilat* 6, no. 1 (2025): 71. <https://doi.org/10.53352/tevilat.1686181>
- Ramle, M. R., et al. "Examining Message Accuracy of Religious Text." *Journal of Southwest Jiaotong University* 56, no. 5 (2021): 35. <https://doi.org/10.35741/issn.0258-2724.56.5.4>
- Sahlan, F. "Sheikh Muhammad Muhājirīn's Methodological Approach." *ELS Journal* 7, no. 4 (2024): 597. <https://doi.org/10.34050/els-jish.v7i4.42282>
- Supena, I. "Epistemology of Tafsīr, Ta'wīl, and Hermeneutics." *Journal of Islamic Thought and Civilization* 14, no. 1 (2024): 121. <https://doi.org/10.32350/jitc.141.08>
- Wasman, W., et al. "A Critical Approach to Prophetic Traditions." *Al-Jami'ah* 61, no. 1 (2023): 1. <https://doi.org/10.14421/ajis.2023.611.1-17>
- Wijaya, A., dan S. Muzammil. "Maqāṣidī Tafsir." *Al-Jami'ah* 59, no. 2 (2021): 449. <https://doi.org/10.14421/ajis.2021.592.449-478>

- Yunadi, A. "Maqāṣid al-Sharī'ah dan Asuransi Syari'ah." *JESI* 10, no. 2 (2020): 159. [https://doi.org/10.21927/jesi.2020.10\(2\)](https://doi.org/10.21927/jesi.2020.10(2))
- Zakiyah, E. "Maudhui's Tafsir Method." *Journal of Islamic Economics and Philanthropy* 5, no. 4 (2022): 235. <https://doi.org/10.21111/jiep.v5i4.8289>
- Zaprul Khan, Z. "Maqāṣid al-Sharī'ah in Contemporary Islamic Legal Discourse." *Walisongo* 26, no. 2 (2018): 445. <https://doi.org/10.21580/ws.26.2.3231>
- Zumrotun, S. "Al-Maqāṣid: Alternatif Pendekatan Ijtihad." *Ijtihad* 13, no. 1 (2013): 125. <https://doi.org/10.18326/ijtihad.v13i1.125-139>